

PROSEDUR TERJEMAHAN UNSUR ALAM DALAM PUISI *UNSHUDAT AL-MATAR* KARYA BADR SHAKIR AL-SAYYAB
TRANSLATION PROCEDURES OF NATURE ELEMENT IN THE POEM *UNSHUDAT AL-MATAR* BY BADR SHAKIR AL-SAYYAB

Nurhasma Muhamad Saad^{1*}, Wan Moharani Mohammad², Yuslina Mohamed³, Muhammad Marwan Ismail⁴

¹ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, nurhasma@usim.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, moharani@usim.edu.my

³ Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia, yuslina@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, marwanismail@usim.edu.my

* penulis penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

Abstrak

Alam sangat penting dan dekat dengan seorang penyair. Renungan penyair pada alam menemukan makna kehidupan yang dilalui manusia. Puisi adalah reaksi kreatif seorang penyair setelah berinteraksi dengan alam. Makalah ini merupakan kajian terhadap terjemahan bahasa Melayu bagi unsur alam dalam puisi Arab *Unshudat al-Matar* karya Badr Shakir al-Sayyab. Makalah ini menganalisis terjemahan unsur alam berteraskan prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet. Didapati bahawa terdapat pelbagai bentuk prosedur terjemahan yang digunakan dalam terjemahan puisi Arab tersebut ke bahasa Melayu. Dicadangkan agar prosedur terjemahan sebegini terus dimanfaatkan dalam terjemahan puisi Arab – Melayu.

Kata kunci

prosedur terjemahan, unsur alam, puisi, Unshudat al-Matar, al-Sayyab

Abstract

Nature is very important and close to a poet. The poet's reflection on his nature discovers the meaning of life that he goes through. Poetry is a poet's creative reaction after his interaction with nature. This paper is a study of the Malay translation of the elements of nature in the Arabic poem *Unshudat al-Matar* by Badr Shakir al-Sayyab. This paper analyzes the translation of natural elements based on Vinay & Darbelnet translation procedures. It is found that there are various forms of translation procedures used in the translation of the Arabic poem into Malay. It is suggested that such translation procedures to be used continuously in the translation of Arabic-Malay poems.

Keywords

Translation procedure, nature elements, poem, Unshudat al-Matar, al-Sayyab

1.0 Pengenalan

Penggunaan unsur alam amat penting dalam proses kreatif seorang penyair. Unsur alam seperti laut, gunung, langit, awan, bulan, hujan, kabus, sungai, pelbagai jenis haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya sering digunakan dalam puisi Arab/ Melayu baik puisi moden mahupun puisi tradisi. Ternyata alam sangat penting dalam puisi dan penciptaan puisi. Proses kreatif penyair Arab/Melayu telah berlaku melalui proses interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam. Interaksi bermaksud penyair berkomunikasi, bercakap dan bertindak balas dengan alam. Interpretasi bermakna penyair mentafsir setiap objek alam sebagai membawa makna yang lebih besar, manakala integrasi membawa maksud penyair menganggap alam adalah sama dan menyatu dengan dirinya. Penyair Arab/ Melayu telah membentuk ribuan metafora daripada unsur alam ini bagi membawa makna tertentu dan menyampaikan maksud puisi. Misalnya, sungai membawa pengertian perjalanan hidup manusia, gunung membawa makna hasrat atau cita-cita yang tinggi, pepohon rendah untuk membawa pengertian perdamaian dan kasih sayang, hujan bermaksud rahmat dan kesuburan. Unsur alam yang digunakan dalam puisi adalah terlalu banyak dan pelbagai. (Zurinah, 2010)

2.0 Badr Shakir al-Sayyab

Badr Shakir al-Sayyab adalah seorang pemuisi terkenal daripada Iraq. Beliau dilahirkan pada tahun 1926 di sebuah kampung kecil bernama Jikur, yang terletak berhampiran dengan *Abu al-Khasib*, di bahagian tenggara Basrah. Badr Shakir al-Sayyab, merupakan salah seorang penyair Arab Iraq yang terkenal pada abad ke-20. Beliau berada di barisan hadapan sebagai pengasas puisi bebas di dunia Arab dengan Nazek al-Malak.

Badr Shakir al-Sayyab dilahirkan pada tahun 1926. Bapa beliau seorang petani yang menjaga kebun kurma. Ibunya meninggal dunia pada tahun 1932 ketika beliau hanya berusia enam tahun. Ini merupakan detik permulaan penderitaan emosi Badr Shakir al-Sayyab. Penderitaan ini semakin berterusan dengan kegagalannya dalam siri percintaan dengan ramai wanita seperti Hala, Habiba, Lamia Abbas, Laila dan Luke. Begitu juga kegagalan perkahwinan dengan Iqbal.

Selepas menamatkan sekolah rendah, al-Sayyab berpindah ke sekolah menengah di *Ashar*, di mana dia tinggal bersama neneknya sebelah ibunya, dan pada tahun 1941, al-Sayyab memulakan puisi penulisan biasa, di mana dia komited untuk menulis puisi sekali-sekala dan tema klasiknya, yang dipengaruhi oleh penyair Abu Tammam. Pada tahun 1943, Badr menyertai Institut Perguruan di Baghdad, dengan memilih jabatan bahasa Arab. Ketika ini bintang al-Sayyab bersinar dalam penciptaan puisi. Di sinilah, al-Sayyab jatuh cinta kepada seorang gadis kelas atasan, namun gadis itu tidak serius tentang hubungannya dengan al-Sayyab kerana perbezaan taraf sosial di antara mereka.

3.0 Karya Badr Shakir al-Sayyab

Badr Shakir al-Sayyab merupakan seorang pemuisi yang prolific. Beliau telah menghasilkan puisi yang banyak. Berikut adalah antologi puisi yang dihasilkan oleh al-Sayyab: *Azhar Dhabila* (1947), *Asatir* (1950), *Uyun Elsa Aw al-Hub Wa al-Harb* (1951), *Fajr al-Salam* (1951), *Haffar al-Qubur* (1952), *al-Aslihah wa al-Atfal* (1954), *al-Mumis al-Amya* (1954), *al-Qasaid al-Mukhtarah min al-Syir al-Alam al-Hadith* (1955), *Unshudat al-Matar* (1960), *al-Ma'bad al-Ghariq* (1962), *Manzil al-Aqnan* (1963), *Azhar wa Asatir* (1963), *Shanashil ibnat al-Shalabiy* (1964), *Iqbal* (1965), *al-Qasaid* (1967), *Qisharat al-Rih* (1971), *A'sir* (1972), *Diwan Badr Shakir al-Sayyab* (1975) dan *Rasail al-Sayyab* (1975).

4.0 Puisi *Unshudat al-Matar - Senandung Hujan*

Puisi ini merupakan puisi Badr Syakir al-Sayyab yang terkenal. Ia dihasilkan pada tahun 1960. Puisi ini merupakan salah satu puisi yang termuat dalam antologi yang berjudul "*Unshudat al-Matar*" yang diterbitkan oleh *Muassasah Hindawi Li al-Ta'lim wa al-Thaqafah* pada tahun 2015. Ia merupakan puisi yang ke 27 daripada 33 puisi yang terdapat dalam silsilah antologi tersebut. (al-Sayyab, 2015)

Puisi *Unsyudat al-Matar* diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Nazel Hashim Muhammad. Puisi terjemahan ini diterbitkan dalam ruangan sastera dan budaya, akhbar Berita Harian pada 2 Disember tahun 2000.

5.0 Kaedah dan Prosedur Terjemahan oleh Vinay dan Darbelnet (1958/1995)

Vinay dan Dalbernet (1958/1995) memperkenalkan dua kaedah utama dalam terjemahan yang dinamakan sebagai terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Terjemahan langsung mengandungi tiga prosedur terjemahan, iaitu peminjaman, pinjam terjemah dan terjemahan literal. Kaedah terjemahan tidak langsung pula mengandungi empat prosedur yang terdiri daripada tranposisi, modulasi, persamaan dan adaptasi. (Idris Mansor, 2016)

6.0 Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks sumber iaitu puisi *Unshudat al-Matar* karya Badr Shakir al-Sayyab yang termuat dalam antologi puisi *Unshudat al-Matar* yang diterbitkan pada tahun 2015 oleh *Muassasah Hindawi Li al-Ta'lim wa al-Thaqafah* dan teks terjemahan iaitu *Senandung Hujan* yang diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Nazel Hashim Muhammad. Puisi terjemahan ini diterbitkan dalam ruangan sastera dan budaya, akhbar Berita Harian pada 2 Disember tahun 2000.

Data berkaitan dengan unsur alam dalam puisi tersebut dikenal pasti dan dianalisis secara diskriptif. Istilah-istilah berkaitan dengan unsur alam yang terdapat dalam puisi ini dibahagikan kepada beberapa kategori. Kajian ini terbatas kepada unsur alam yang terdapat dalam puisi ini. Ia menyentuh tentang interaksi antara manusia dan alam persekitarannya yang melibatkan fenomena seperti bukit bukau, hutan belantara yang kaya dengan flora dan faunanya. Kemudian, data kajian dianalisis dengan memanfaatkan kaedah terjemahan yang dikemukakan oleh Vinay & Darbelnet (1958/1995). Mereka mengklasifikasikan prosedur terjemahan secara

umumnya kepada dua iaitu 'terjemahan langsung' (*direct translation*) dan 'terjemahan tidak langsung' (*oblique translation*) (Idris 2016:61, Vinay & Darbelnet 1995).

7.0 Perbincangan dan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis yang dibuat, terdapat hampir 70 perkataan unsur alam dikenal pasti daripada teks puisi *Unshudat al-Matar* dan padanan terjemahan yang dilakukan oleh Nazel Hashim Mohamed. Data tersebut dipersembahkan seperti Jadual 1 di bawah. Perkataan berkaitan unsur alam tersebut dibahagikan mengikut lima kategori iaitu masa, cuaca hujan, bentuk muka bumi, cakerawala dan flora dan fauna. Sebanyak enam data berkaitan dengan masa, sembilan data berkaitan dengan cuaca hujan, sepuluh data berkaitan dengan bentuk muka bumi, tiga data berkaitan dengan cakerawala dan tujuh data berkaitan dengan flora dan fauna.

7.1 Kategori Masa/ Unsur Waktu

Unsur waktu merujuk kepada perkataan yang menunjukkan waktu dan peredaran hari seperti fajar, petang, senja dan malam. Terdapat sebanyak enam perkataan berkaitan dengan unsur waktu dalam puisi *Unshudat al-Matar* iaitu ساعة السحر، المساء، الشتاء، الخريف، الليل، موسم الحصاد، ليلة الرحيل.

Contoh 1: ساعة السحر

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
عيناك غابتا نخيل ساعة السحر	Matamu bak dusun palma <u>tika fajar menyinsing</u>

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Arab)
يرجُّه المجذاف وهنأ ساعة السحر	Dengan dayung bergegar <u>tika fajar menyinsing.</u>

Contoh 1 di atas menunjukkan unsur waktu iaitu ساعة السحر. Perkataan ساعة السحر dalam dua baris di atas bermaksud waktu sahur (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006). Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan ساعة السحر kepada tika fajar menyinsing. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan masa ini, penterjemah menggunakan prosedur literal. Prosedur literal ini digunakan untuk menterjemahkan makna ساعة السحر kepada tika fajar menyinsing. Padanan perkataan ساعة السحر dalam bahasa Melayu yang digunakan di sini adalah tika fajar menyinsing. Analisis mendapati bahawa makna ساعة السحر dalam

bahasa Arab bermaksud waktu sahur. Menurut Kamus al-Tullab Arab-Melayu (Hussain, 1994) السحر ialah waktu sahur, waktu sebelum fajar. Manakala fajar pula ialah fajar, subuh. Jadi, terjemahan tika fajar menyingsing bagi ساعة السحر adalah kurang bertepatan dengan teks sumber bahasa Arab.

7.2 Kategori Cuaca Hujan

Terdapat sebanyak sembilan perkataan berkaitan dengan unsur alam berkaitan dengan kategori cuaca hujan dalam puisi *Unshudat al-Matar* iaitu

المطر، ضباب، الغيوم، الرعود، البروق، أقواس السحاب، الرياح، عواصف الخليج، أمواج الخليج

Contoh 2: المطر

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
أنشودة <u>المطر</u>	Senandung <u>Hujan</u>

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
وقطرةً فقطرةً تذوب في <u>المطر</u>	Dan titik demi titik mencair dalam <u>hujan</u>

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
<u>مطر</u> <u>مطر</u> <u>مطر</u>	Hujan... Hujan... Hujan...

Contoh 2 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan cuaca hujan. Sebanyak 35 perkataan مطر terdapat dalam puisi *Unshudat al-Matar*. Perkataan المطر dalam baris-baris di atas bermaksud air yang turun daripada langit (air hujan) (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006). Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan المطر kepada hujan. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam cuaca ini, penterjemah menggunakan prosedur literal. Prosedur literal ini digunakan untuk menterjemahkan makna المطر kepada hujan.

7.3 Kategori Bentuk Muka Bumi

Terdapat sebanyak sepuluh perkataan berkaitan unsur alam dengan kategori bentuk muka bumi dalam puisi *Unshudat al-Matar* iaitu الساحل، سواحل العراق، السهول، الجبال، القرى، الرمال، غابتا نخيل، نهر، البحر، جانب التل.

Contoh 3: السهول والجبال

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
ويخزن البروق في <u>السهول</u> <u>والجبال</u>	Dan mengukuh kilat di gunung dan tanah datar

Contoh 3 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan bentuk muka bumi. Perkataan السهول والجبال dalam baris di atas bermaksud tanah datar dan bukit (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006). Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan السهول والجبال kepada gunung dan tanah datar. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan kategori bentuk muka bumi ini, penterjemah menggunakan dua prosedur iaitu prosedur literal dan prosedur transposisi. Prosedur literal digunakan untuk menterjemahkan makna kepada tanah datar dan gunung. Manakala prosedur transposisi dimanfaatkan apabila golongan kata jamak dalam puisi ditukar kepada bentuk kata tunggal dalam bahasa sasaran. Walaupun penterjemah tidak mengekalkan bentuk jamak namun pemilihan perkataan tanah datar dan gunung dianggap bersesuaian dengan bahasa sasaran dan dapat difahami. Dicadangkan السهول dan الجبال diterjemahkan kepada tanah datar dan bukit bukau/gunung ganang sebagai padanan terjemahan yang lebih tepat khususnya dari aspek susunan.

7.4 Kategori Flora dan Fauna

Terdapat sebanyak tujuh perkataan berkaitan unsur alam dengan kategori flora dan fauna dalam puisi *Unshudat al-Matar* iaitu نخيل، الكروم، الشجر، أجنة الزهر، زهرة، العصافير، الغربان، الجراد

Contoh 4: Flora : الكروم

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
عيناك حين تبسمان <u>تورق الكروم</u>	'abila matanya tersenyum, dedaun anggur

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
وكرر الأطفال في <u>عرائش</u>	Dan anak-anak bercekcok di bawah

<u>الكروم</u>	<u>junjung anggur</u>
---------------	-----------------------

Contoh 4 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan dengan kategori flora. Perkataan الكروم dalam ayat di atas bermaksud buah anggur (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006). Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan الكروم kepada anggur. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan flora ini, penterjemah menggunakan dua prosedur iaitu prosedur literal dan prosedur transposisi. Prosedur literal digunakan untuk menterjemahkan makna kepada anggur. Manakala prosedur transposisi dimanfaatkan apabila golongan kata jamak dalam puisi ditukar kepada bentuk kata tunggal dalam bahasa sasaran.

Contoh 5: Fauna: العصافير

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
ودغدغت صمت <u>العصافير</u> على الشجر	Dan senandung hujan memecah kesunyian <u>beburung</u> di atas pokok

Contoh 5 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan dengan kategori fauna. Perkataan العصافير dalam ayat di atas bermaksud burung kecil seperti burung ciak dan seumpamanya (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006). Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan العصافير kepada beburung. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan kategori fauna ini, penterjemah menggunakan dua prosedur iaitu prosedur literal dan prosedur transposisi. Prosedur literal digunakan untuk menterjemahkan makna kepada beburung. Manakala prosedur transposisi dimanfaatkan apabila golongan kata jamak (العصافير) dalam puisi ditukar kepada bentuk kata tunggal (beburung) dalam bahasa sasaran. Walaupun penterjemah tidak mengekalkan bentuk jamak namun pemilihan perkataan beburung dianggap bersesuaian dengan bahasa sasaran dan dapat difahami.

7.5 Kategori Cakerawala

Terdapat sebanyak tiga perkataan berkaitan unsur alam dengan kategori cakerawala dalam puisi *Unshudat al-Matar* iaitu النجوم، القمر (الأقمار)، السماء.

Contoh 6: السماء

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
ونشوة وحشية تعانق <u>السماء</u>	Apabila keterujaan yang menakutkan mendakap <u>langit</u>

Teks Sumber	Teks Sasaran
ومنذ أن كنا صغارا، كانت السماء	Sejak zaman muda kita, langit tetap

Contoh 6 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan dengan cakerawala. Perkataan السماء dalam ayat di atas bermaksud langit (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006).

Perkataan السماء disebut sebanyak dua kali dalam puisi *Unshudat al-Matar* ini.

Menurut Kamus Besar Arab – Melayu (2000) perkataan السماء mempunyai enam maksud iaitu (1) langit, (2) bintang, (3) bahagian yang tinggi, (4) setiap yang menaungi kepala seseorang, (5) awan, (6) hujan. Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan السماء kepada langit. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan cakerawala ini, penterjemah menggunakan prosedur literal. Prosedur literal digunakan untuk menterjemahkan makna kepada langit.

Contoh 7: القمر

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
أو شرفتان راح ينأى عنهما القمر	Atau dua balkoni di mana rembulan menghilang

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
وترقص الأضواء ... كالأقمار في نهر	Dan sinar menari bak rembulan di sungai

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
كنشوة الطفل إذا خاف من القمر!	Seperti takutnya anak kecil apabila dikagumi sang bulan .

Teks Sumber (Arab)	Teks Terjemahan (Melayu)
ويبث الغناء حيث يأفل القمر	Dan mendendangkan lagu ke arah terbenamnya bulan

Contoh 7 di atas menunjukkan unsur alam berkaitan dengan cakerawala. Perkataan القمر dalam ayat di atas bermaksud bulan (Kamus Besar Arab – Melayu, 2006).

Perkataan القمر disebut sebanyak empat kali dalam puisi *Unshudat al-Matar* ini.

Nazel Hashim Mohamed (2000) telah menterjemahkan perkataan القمر kepada bulan dan rembulan. Dalam menterjemahkan perkataan unsur alam berkaitan dengan cakerawala ini, penterjemah menggunakan prosedur literal dan transposisi. Prosedur literal digunakan untuk menterjemahkan makna kepada bulan dan rembulan. Manakala prosedur transposisi dimanfaatkan apabila golongan kata jamak (الأقمار) dalam puisi ditukar kepada bentuk kata tunggal (rembulan) dalam bahasa sasaran. Walaupun penterjemah tidak mengekalkan bentuk jamak namun pemilihan perkataan bulan dan rembulan dianggap bersesuaian dengan bahasa sasaran dan dapat difahami.

Daripada analisis yang telah dijalankan ke atas sampel terpilih di atas, dapat dibincangkan beberapa kesimpulan berkaitan unsur alam dalam puisi *Unshudat al-Matar* serta terjemahan Melayunya.

Analisis mendapati bahawa antara unsur alam dalam puisi *Unshudat al-Matar* yang adalah seperti berikut: ساعة السحر، المطر، السهول والجبال، الكروم، العصافير، السماء، القمر.

Didapati bahawa dalam penterjemahan unsur-unsur alam tersebut ke bahasa Melayu, terdapat beberapa prosedur terjemahan yang dapat diperhatikan. Antaranya ialah prosedur literal dan transposisi.

Prosedur literal dapat dilihat dalam beberapa terjemahan unsur alam tersebut. Prosedur literal ini antara lainnya dapat dilihat dalam penterjemahan المطر kepada hujan.

Prosedur transposisi turut dapat dilihat dalam beberapa terjemahan unsur alam tersebut. Prosedur transposisi antara lainnya dapat dilihat apabila golongan kata jamak (الأقمار) dalam puisi ditukar kepada bentuk kata tunggal (rembulan) dalam bahasa sasaran.

Secara umumnya didapati bahawa penterjemah berjaya menghasilkan satu terjemahan sastra yang baik. Khususnya dalam usaha menterjemahkan puisi Arab ini ke bahasa Melayu dalam bentuk yang sama iaitu puisi.

8.0 Penutup

Berdasarkan analisis sampel kajian, didapati bahawa antara unsur alam fizikal atau zahir dalam puisi *Unshudat al-Matar* yang diterjemahkan antaranya adalah seperti berikut: ساعة السحر، المطر، السهول والجبال، الكروم، العصافير، السماء، القمر.

Penterjemah berjaya menterjemahkan perkataan-perkataan berkaitan unsur alam fizikal dengan baik ke bahasa Melayu. Antara prosedur terjemahan yang dapat dilihat dalam terjemahan puisi *Unshudat al-Matar* ini ialah prosedur literal, persamaan dan transposisi dalam menterjemahkan perkataan-perkataan berkaitan unsur alam fizikal dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu. Dicadangkan agar prosedur terjemahan sebegini terus dimanfaatkan dalam puisi Arab – Melayu.

Rujukan

Badr, S. S. (2015). Diwan Unshudat al-Matar. Kaherah: Muassasah Hindawi.
Hussain, U (2005). Kamus At-Tullab Arab-Melayu. Kuala Lumpur: Darulfikir.

- Idris, M. (2016). Pendekatan Terjemahan dalam Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. Asas Terjemahan dan Interpretasi. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Besar Arab-Melayu (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazel, H. M. (2000, Disember 2). Senandung Hujan Puisi dari Iraq. *Berita Harian*.
- Vinay, J. P & Darbelnet, J. 1958/ 1995. Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Zurinah, H (2010). Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden. Bangi: Penerbit UKM.